



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 796

AKTA KERJA (SEKATAN) 1968

(Disemak—2017)

DISEMAK OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2017

AKTA KERJA (SEKATAN) 1968

Disemak sehingga 1 November 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta*
bagi edisi semakan ini 15 November 2017

Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat
kuasanya edisi semakan ini menurut
perenggan 6(1)(xxiii) Akta Penyemakan
Undang-Undang 1968 [*Akta 1*] 15 November 2017

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1968 sebagai Akta
Parlimen No. 36 tahun 1968

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 796

AKTA KERJA (SEKATAN) 1968

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pegawai

BAHAGIAN II

SEKATAN PENGAMBILAN KERJA BAGI BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA

4. Pemakaian Bahagian II
5. Sekatan pengambilan kerja bukan warganegara
6. Permohonan permit kerja dan pembaharuan permit kerja
7. Pengeluaran dan pembaharuan permit kerja
8. Butir-butir mengenai pekerjaan baharu bukan warganegara
9. Penamatan pekerjaan bukan warganegara
10. Kesahan permit kerja
11. Beban membuktikan benarnya permohonan

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

12. Pendaftaran bukan warganegara

BAHAGIAN IV

AM

Seksyen

13. Kuasa untuk masuk dan meminta pengemukaan dokumen, dsb.
14. Kehilangan permit kerja
15. Maklumat palsu
16. Jagaan dan serahan balik permit kerja
17. Penalti
18. Kesan pelanggaran seksyen 9
19. Pengecualian
20. Peraturan-peraturan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 796

AKTA KERJA (SEKATAN) 1968

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi menyekat pengambilan kerja bukan warganegara di Malaysia dalam aktiviti perniagaan yang tertentu dan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran bukan warganegara itu dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[1 Julai 1969; P.U. (B) 141A/1969]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerja (Sekatan) 1968.
(2) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

“majikan” ertinya mana-mana orang yang membuat kontrak perkhidmatan untuk mengambil kerja seorang yang lain sebagai pekerja dan termasuk ejen, pengurus atau wakil perniagaan bagi orang yang mula-mula disebut itu dan perkataan “ambil kerja” dengan variasi kenahuan dan ungkapan seasalnya hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia;

“orang yang diberi kuasa” ertinya seseorang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah bagi maksud Akta ini;

“permit kerja” ertinya permit kerja yang dikeluarkan di bawah seksyen 7;

“perniagaan” termasuklah apa-apa jenis perdagangan, perusahaan, ketukangan, pekerjaan, profesion atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud laba.

Pegawai

3. (1) Bagi pentadbiran wajar Akta ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Tenaga Kerja, seorang Timbalan Ketua Pengarah Tenaga Kerja dan apa-apa bilangan Penolong Pesuruhjaya Tenaga Kerja sebagaimana yang disifatkan perlu.

(2) Menteri boleh melantik apa-apa bilangan pegawai pekerjaan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini.

(3) Seseorang pegawai pekerjaan yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Ketua Pengarah.

BAHAGIAN II

SEKATAN PENGAMBILAN KERJA BAGI BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA

Pemakaian Bahagian II

4. (1) Bahagian ini hendaklah terpakai hanya bagi kelas atau kelas-kelas orang atau kategori atau kategori-kategori pekerjaan atau perniagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah meminda atau menambah Jadual.

Sekatan pengambilan kerja bukan warganegara

5. (1) (a) Tiada bukan warganegara yang disebut dalam Jadual boleh diambil bekerja dalam mana-mana perniagaan di Malaysia atau menerima pekerjaan dalam mana-mana perniagaan di Malaysia melainkan jika telah dikeluarkan berkenaan dengan bukan warganegara itu suatu permit kerja yang sah.

(b) Tiada seorang pun boleh mengambil bekerja di Malaysia mana-mana bukan warganegara yang disebut dalam Jadual melainkan jika telah dikeluarkan berkenaan dengan bukan warganegara itu suatu permit kerja yang sah.

(2) Subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana terma atau syarat mana-mana kontrak atau perjanjian.

(3) Bagi maksud seksyen ini, mana-mana orang yang didapati menjalankan apa-apa perbuatan yang pada kebiasaannya dijalankan oleh seseorang pekerja di mana-mana tempat kerja hendaklah disifatkan sebagai telah diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan oleh majikan tempat kerja itu.

Permohonan permit kerja dan pembaharuan permit kerja

6. (1) Tiap-tiap bukan warganegara yang disebut dalam Jadual hendaklah sebelum memulakan apa-apa pekerjaan atau perniagaan yang diperihalkan dalam Jadual itu memohon suatu permit kerja kepada Ketua Pengarah dan permohonan itu hendaklah mengikut apa-apa borang dan hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Sesuatu permit kerja boleh dibaharui apabila habis tempoh sahnya.

(3) Mana-mana orang yang berhasrat untuk membaharui sesuatu permit kerja hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa mengikut apa-apa borang sebagaimana yang ditetapkan.

Pengeluaran dan pembaharuan permit kerja

7. (1) Apabila diterima suatu permohonan bagi permit kerja atau permohonan bagi membaharui suatu permit kerja di bawah seksyen 6, Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa boleh mengikut budi bicaranya mengeluarkan suatu permit kerja mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan atau membaharui permit kerja itu dan boleh mengenakan apa-apa terma, syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa mengubah atau menambah apa-apa terma, syarat atau sekatan dalam sesuatu permit kerja.

(3) Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicaranya pada bila-bila masa dan tanpa memberikan apa-apa sebab tidak mengeluarkan atau membaharui sesuatu permit kerja atau membatalkan atau menggantung sesuatu permit kerja.

(4) Mana-mana orang yang terkilan dengan sesuatu keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1), (2) atau (3) boleh, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri itu adalah muktamad dan tidak boleh dirayu atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah.

Butir-butir mengenai pekerjaan baharu bukan warganegara

8. Seseorang majikan hendaklah, sebelum mengambil kerja mana-mana bukan warganegara yang disebut dalam Jadual, memberi Ketua Pengarah butir-butir mengenai pekerjaan itu dan mengenai bukan warganegara itu mengikut apa-apa borang sebagaimana yang ditetapkan.

Penamatan pekerjaan bukan warganegara

9. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa terma atau syarat mana-mana kontrak atau perjanjian, seseorang majikan bagi seseorang pekerja dalam mana-mana kategori atau kategori-kategori pekerjaan atau perniagaan yang diperihalkan dalam Jadual hendaklah menamatkan perkhidmatan

pekerja itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pekerja itu diberitahu secara bertulis oleh Ketua Pengarah bahawa permit kerja yang dikeluarkan berkenaan dengan pekerja itu telah dibatalkan, digantung atau tidak dibaharui di bawah subseksyen 7(3).

(2) Tiap-tiap majikan yang disebut dalam subseksyen (1) yang menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja atau berhenti mengambil kerja pekerja itu menurut subseksyen (1) atau kerana apa-apa sebab lain hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penamatan atau pemberhentian itu.

(3) Penamatan perkhidmatan seseorang pekerja menurut subseksyen (1) tidak boleh—

- (a) dirundingi oleh sesuatu kesatuan sekerja yang mewakili orang terjejas itu; atau
- (b) menjadi hal perkara bagi sesuatu pertikaian perdagangan atau prosiding pendamaian atau apa-apa kaedah tuntutan sama ada di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau tidak.

Kesahan permit kerja

10. (1) Tertakluk kepada subseksyen 7(2) dan (3), suatu permit kerja yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini adalah sah, melainkan jika dinyatakan sebaliknya, hanya berkenaan dengan pekerjaan tertentu dan majikan yang dinyatakan dalamnya.

(2) Sesuatu permit kerja hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan atau digantung.

Beban membuktikan kebenarannya permohonan

11. Beban membuktikan kebenarannya kandungan sesuatu permohonan bagi suatu permit kerja di bawah seksyen 6 adalah pada orang yang membuat permohonan itu.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

Pendaftaran bukan warganegara

12. (1) Tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang boleh diberikan di bawah Akta ini, tiap-tiap bukan warganegara bagi kelas atau kelas-kelas atau dalam kategori atau kategori-kategori pekerjaan atau perniagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan di bawah subseksyen (2) hendaklah didaftarkan di bawah seksyen ini.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menyatakan kelas atau kelas-kelas bukan warganegara atau kategori atau kategori-kategori pekerjaan atau perniagaan yang baginya subseksyen (1) terpakai.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan (2), tiap-tiap bukan warganegara hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan bagi pendaftaran.

(4) Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi orang yang didaftarkan di bawah Bahagian ini.

(5) Daftar yang dikehendaki disimpan dan disenggara oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (4) hendaklah mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan.

BAHAGIAN IV

AM

Kuasa untuk masuk dan meminta pengemukaan dokumen, dsb.

13. (1) Seseorang pegawai pekerjaan boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah atau sedang dilakukan di dalam mana-mana premis selain premis yang semata-mata digunakan sebagai tempat kediaman, memasuki premis itu tanpa waran.

(2) Seseorang pegawai pekerjaan boleh—

- (a) menghendaki mana-mana orang, yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai memiliki apa-apa dokumen atau maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini, supaya mengemukakan apa-apa dokumen itu atau memberikan apa-apa maklumat itu; atau
- (b) menyoal mana-mana orang atau menghendaki mana-mana orang melalui notis secara bertulis supaya hadir pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang disebut dalam notis itu berkenaan dengan apa-apa dokumen atau maklumat yang, pada pendapat pegawai pekerjaan itu, adalah berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini, dan yang dipercayainya ada dalam milikan atau pengetahuan orang itu.

Kehilangan permit kerja

14. (1) Apabila sesuatu permit kerja hilang, musnah atau rosak, seseorang yang berkenaan dengannya permit kerja itu telah dikeluarkan hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa dan hendaklah memohon suatu permit kerja gantian.

(2) Suatu permit kerja gantian boleh dikeluarkan oleh Ketua Pengarah atau orang yang diberi kuasa sebagai ganti permit kerja yang telah hilang, musnah atau rosak itu.

(3) Jika seseorang yang disebut dalam subseksyen (1), selepas memberitahukan kehilangan permit kerjanya, mendapat kembali milikan permit kerja itu dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah atau orang yang diberi kuasa berkenaan dengan milikan yang didapat kembali itu.

(4) Jika mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) mendapat kembali milikan permit kerjanya selepas suatu permit kerja gantian dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (2), dia hendaklah dengan serta-merta mengembalikan permit kerja yang didapat kembali itu bagi pembatalan.

(5) Mana-mana orang yang menjumpai atau memperoleh sesuatu permit kerja selain permit kerjanya sendiri hendaklah dengan serta-merta menyerahkannya kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa, atau kepada balai polis yang paling hampir, atau pejabat pos.

Maklumat palsu

15. Mana-mana orang yang membuat apa-apa pernyataan atau memberikan apa-apa maklumat kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai pekerjaan atau mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Akta ini yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu dalam apa-apa butir material atau meninggalkan apa-apa butir yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai merupakan suatu butir material, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Jagaan dan serahan balik permit kerja

16. (1) Sesuatu permit kerja yang dikeluarkan berkenaan dengan seseorang tidak boleh dipindah milik dan hendaklah disimpan olehnya sepanjang tempoh sahanya.

(2) Jika sesuatu permit kerja telah dibatalkan atau telah habis tempoh orang yang berkenaan dengannya permit kerja itu telah dikeluarkan hendaklah dengan serta-merta menyerah balik permit kerja itu kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa.

Penalti

17. (1) Mana-mana orang yang tidak mematuhi seksyen 5 atau 12 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang memalsukan, mengubah atau mengusik mana-mana permit kerja melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Tiap-tiap peninggalan atau keabaiian untuk mematuhi dan tiap-tiap perbuatan yang dilakukan atau cuba untuk dilakukan yang berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau apa-apa pelanggaran syarat dan sekatan yang tertakluk kepadanya atau yang berdasarkannya suatu permit kerja dikeluarkan di bawah Akta ini, menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini dan pesalah boleh, apabila disabitkan, jika tiada penalti yang diperuntukkan dengan nyata, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ratus ringgit sehari:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh disabitkan di bawah seksyen ini semata-mata oleh sebab tidak mematuhi perenggan 13(2)(a) jika dalam masa empat puluh lapan jam selepas dikehendaki berbuat demikian dia mengemukakan atau memberikan dokumen atau maklumat dalam milikannya.

Kesan pelanggaran seksyen 9

18. Jika berkenaan dengan pengambilan kerja seseorang bukan warganegara terdapat pelanggaran seksyen 9, bukan warganegara itu tidak boleh semata-mata oleh sebab pelanggaran itu disifatkan sebagai telah diambil kerja di bawah suatu kontrak kerja yang menyalahi undang-undang.

Pengecualian

19. (1) Akta ini tidak terpakai bagi—

- (a) anggota mana-mana suatu angkatan tentera pelawat mengikut pengertian mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa yang mengawal selia angkatan tentera pelawat yang berada di Malaysia;
- (b) orang yang diberi tauliah dengan sewajarnya sebagai wakil diplomatik atau konsular ke Malaysia;
- (c) orang yang diberi kekebalan dan keistimewaan yang disebut dalam Jadual kepada Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 [*Akta 636*] dan dalam Jadual kepada Akta Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999 [*Akta 595*];

- (d) pekhidmat persendirian atau pekerja lain bagi orang yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) iaitu pekerja yang diambil bekerja bagi pekerjaan itu dari negara angkatan tentera pelawat itu atau negara yang diwakili oleh orang yang disebut dalam perenggan (b) atau (c) di Malaysia;
- (e) pegawai mana-mana pertubuhan antarabangsa yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 3A Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966; dan
- (f) orang yang kehadirannya di Malaysia ditaja oleh Kerajaan.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada mana-mana atau kesemua peruntukan Akta ini.

Peraturan-peraturan

20. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan secara amnya bagi melaksanakan peruntukan Akta ini, dan peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menetapkan apa-apa fi atau caj sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini;
- (b) menetapkan bentuk daftar, permohonan dan permit atau borang lain yang dikehendaki disimpan, digunakan atau dikeluarkan;
- (c) mengadakan peruntukan bagi tatacara penggantian permit kerja yang hilang atau cacat;
- (d) mengadakan peruntukan bagi cara dan tempat permohonan permit kerja boleh dibuat;
- (e) mengadakan peruntukan bagi maklumat dan dokumen yang dikehendaki diberikan bagi maksud permohonan permit kerja;
- (f) mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan dan pengemukaan permit kerja;

- (g) mengadakan peruntukan bagi mengambil dan merekodkan fotograf orang yang memohon permit kerja;
- (h) mengadakan peruntukan bagi membuat pembedahan dan perubahan dalam daftar dan permit kerja;
- (i) menghendaki pengemukaan apa-apa penyata oleh mana-mana orang berhubung dengan pengambilan kerja bukan warganegara yang baginya Bahagian II terpakai mengikut apa-apa borang sebagaimana yang ditetapkan;
- (j) menetapkan bahawa mana-mana perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peraturan hendaklah menjadi suatu kesalahan; dan
- (k) mengadakan peruntukan secara amnya bagi maksud memberi kuat kuasa kepada Akta ini.

JADUAL

[Seksyen 4]

KELAS ATAU KELAS-KELAS ORANG DAN KATEGORI ATAU
KATEGORI-KATEGORI PEKERJAAN

Tiap-tiap bukan warganegara yang diambil kerja dalam apa-apa perniagaan, industri atau pengusahaan, termasuk mana-mana Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana badan berkanun.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 796

AKTA KERJA (SEKATAN) 1968

(Disemak—2017)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 221/1969	Peratoran ² Perlu (Mengubahsuai Akta (Sekatan) Kerja, 1968), 1969	01-07-1969
P.U. (A) 222/1969	Perintah (Jadual) (Sekatan) Kerja, 1969	01-07-1969
P.U. (A) 209/1970	Peratoran ² Perlu (Mengubahsuai Akta (Sekatan) Kerja, 1968), 1970	01-07-1970
P.U. (A) 67/1972	Perintah (Jadual) (Sekatan) Kerja, 1972	10-03-1972
Akta A117	Akta (Sekatan) Kerja (Pindaan), 1972	04-04-1972

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTIKAN

No.	Tajuk
Act No. 36 tahun 1968	Act (Sekatan) Kerja, 1968

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 796****AKTA KERJA (SEKATAN) 1968**

(Disemak—2017)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
3	P.U. (A) 221/1969 Akta A117	01-07-1969 04-04-1972
5	P.U. (A) 221/1969 Akta A117	01-07-1969 04-04-1972
5	P.U. (A) 209/1970 Akta A117	01-07-1970 04-04-1972
9	P.U. (A) 221/1969 Akta A117	01-07-1969 04-04-1972
11	P.U. (A) 221/1969 Akta A117	01-07-1969 04-04-1972
20	P.U. (A) 221/1969 Akta A117	01-07-1969 04-04-1972
Jadual	P.U. (A) 222/1969 P.U. (A) 67/1972	01-07-1969 10-03-1972

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 796

AKTA KERJA (SEKATAN) 1968

(Disemak—2017)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6
AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
Susunan kandungan	Susunan seksyen diubah	perenggan 6(1)(vii)
Keseluruhan Akta	1. Ejaan dan istilah dikemas kini	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan tunggal menggantikan perkataan berganda kecuali dinyatakan sebaliknya	perenggan 6(1)(xv)
	3. Perkataan “Akta” menggantikan “Act”	perenggan 6(1)(v)
	4. Perkataan “Ketua Pengarah” menggantikan “Pesuruhjaya”	perenggan 6(1)(xvii)
	5. Perkataan “Malaysia” menggantikan “Persekutuan”	perenggan 6(1)(xviii)
	6. Perkataan “orang ² ” sebelum perkataan “bukan warganegara” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii)
	7. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(iii)
	8. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
Tajuk	1. Perkataan “ KERJA ” ditukar tempat selepas perkataan “ AKTA ”	perenggan 6(1)(xiii)
	2. Koma sebelum perkataan “1968” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
Tajuk panjang	Perkataan “Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi menyekat pengambilan kerja bukan warganegara di Malaysia dalam aktiviti perniagaan yang tertentu dan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran bukan warganegara itu dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.” menggantikan “Suatu Act bagi mengadakan peruntukan bagi menyekat daripada di-ambil bekerja dalam Persekutuan orang ² bukan warganegara dalam kegiatan ² urusan yang tertentu serta mengadakan peruntukan ² bagi pendaftaran orang ² sa-demikian dan perkara ² yang berkenaan dengan-nya.”	perenggan 6(1)(vi)
Tarikh kuat kuasa	Perkataan “1 Julai 1969; P.U. (B) 141A/1969” dimasukkan	perenggan 6(1)(xxiv)
Ayat mengundang-undangan	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)
Bahagian 1	Perkataan “BAHAGIAN I” menggantikan “BAHAGIAN 1”	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 1	Dalam nota bahu, perkataan “, mula berkuat kuasa” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xvi)
subseksyen 1(1)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkataan “Kerja” ditukar tempat selepas perkataan “Akta” 2. Koma selepas perkataan “Kerja” dan “1968” ditinggalkan 3. Perkataan “dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam <i>Warta</i>, dan tarikh itu tidak-lah boleh lebeh awal daripada tarikh pemberitahuan itu di-siarkan” ditinggalkan 	<p>perenggan 6(1)(xiii)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>subperenggan 6(1)(i)(aa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 1(2)	Perkataan “terpakai di seluruh” menggantikan “hendak-lah di-pakai di-seluruh”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Koma dimasukkan selepas perkataan “Akta ini” 2. Perkataan “konteksnya” menggantikan “kandungan ayatnya” 3. Takrif ““majikan” ertinya mana-mana orang yang membuat kontrak perkhidmatan untuk mengambil kerja seorang yang lain sebagai pekerja dan termasuk ejen, pengurus atau wakil perniagaan bagi orang yang mula-mula disebut itu dan perkataan “ambil kerja” dengan variasi kenahuan dan ungkapan seasalnya hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;’ menggantikan ““majikan” ertinya sa-saorang yang telah membuat suatu kontrek perkhidmatan untuk mengambil bekerja mana² orang lain sa-bagai sa-orang pekerja dan termasuk ejen, pengurus atau wakil perniagaan orang yang tersebut dahulu itu dan perkataan² “pekerja”, “mengambil bekerja” dan “di-ambil bekerja” hendak-lah tiap² satu-nya di-ertikan dengan sa-wajar-nya;’ 4. Takrif ““Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia;’ menggantikan ““Mentri” erti-nya Mentri yang bertanggung-jawab bagi buruh;’ 5. Takrif ““orang yang diberi kuasa” ertinya seseorang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah bagi maksud Akta ini;’ menggantikan ““orang yang berkuasa” erti-nya sa-saorang yang di-berikuasa oleh Pesuruhjaya bagi maksud² Act ini;’ 	<p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>subperenggan 6(1)(iv)(a)</p> <p>perenggan 6(1)(xv) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xvii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	6. Takrif ““permit kerja” ertinya permit kerja yang dikeluarkan di bawah seksyen 7;’ menggantikan ““permit” erti-nya suatu permit yang di-keluarkan di-bawah sekshen 7;’	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	7. Takrif ““Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);’ menggantikan ““Pesuruhjaya” erti-nya Pesuruhjaya Kerja yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (1) sekshen 3;’ dan ditukar tempat sebelum takrif ““majikan””	perenggan 6(1)(xiii), (xvii) dan (xxa)
	8. Takrif “tarikh yang ditetapkan” ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
	9. Takrif ““perniagaan” termasuklah apa-apa jenis perdagangan, perusahaan, ketukangan, pekerjaan, profesion atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud laba.’ menggantikan ““urusan” termasuk-lah apa ² jenis perdagangan, perusahaan, ketukangan, pekerjaan, profesion atau lain ² kegiatan yang di-jalankan bagi maksud perolehan.’	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 3(1)	Perkataan “Bagi pentadbiran wajar Akta ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Tenaga Kerja, seorang Timbalan Ketua Pengarah Tenaga Kerja dan apa-apa bilangan Penolong Pesuruhjaya Tenaga Kerja sebagaimana yang disifatkan perlu.” menggantikan “Bagi mentadbirkan Akta ini dengan sempurna, maka hendak-lah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong sa-orang Pesuruhjaya Kerja, sa-orang Timbalan Pesuruhjaya Kerja dan beberapa orang Penolong Pesuruhjaya Kerja yang di-fikirkan perlu.”	perenggan 6(1)(xvii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 3(2)	Perkataan “Menteri boleh melantik apa-apa bilangan pegawai pekerjaan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini.” menggantikan “Mentri boleh melantek beberapa pegawai kerja sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya perlu dan mustahak bagi maksud ² Act ini.”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxiv)
subseksyen 3(3)	Perkataan “Seseorang pegawai pekerjaan yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Ketua Pengarah.” menggantikan “Sa-saorang pegawai kerja yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (2) adalah di-bawah arahan dan kawalan Pesuruhjaya.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
Bahagian 2	1. Perkataan “BAHAGIAN II” menggantikan “BAHAGIAN 2” 2. Perkataan “SEKATAN PENGAMBILAN KERJA BAGI BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA” menggantikan SEKATAN ² KERJA BAGI ORANG ² BUKAN WARGANEGARA PERSEKUTUAN”	perenggan 6(1)(iii) perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 4	Dalam nota bahu, perkataan “peruntokan ² ” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 4(1)	Perkataan “Bahagian ini hendaklah terpakai hanya bagi kelas atau kelas-kelas orang atau kategori atau kategori-kategori pekerjaan atau perniagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.” menggantikan “Peruntokan ² Bahagian ini hendak-lah di-pakai hanya terhadap kelas atau kelas ² orang atau mengenai jenis atau jenis ² kerja atau urusan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual bersama ini.”	perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)
subseksyen 4(2)	Perkataan “Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah meminda atau menambah Jadual.” menggantikan “Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perentah membuat pindaan atau tambahan kepada Jadual.”	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
seksyen 5	Dalam nota bahu—	
	a. perkataan “ pengambilan ” dimasukkan sebelum perkataan “ kerja ”	perenggan 6(1)(xxiv)
	b. perkataan “ bagi orang ” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
perenggan 5(1)(a)	Perkataan “Tiada bukan warganegara yang disebut dalam Jadual boleh diambil bekerja dalam mana-mana perniagaan di Malaysia atau menerima pekerjaan dalam mana-mana perniagaan di Malaysia melainkan jika telah dikeluarkan berkenaan dengan bukan warganegara itu suatu permit kerja yang sah.” menggantikan “Tiada-lah sa-saorang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual boleh diambil bekerja dalam mana ² urusan dalam Persekutuan atau menerima kerja dalam mana ² urusan dalam Persekutuan melainkan telah dikeluarkan berkenaan dengan orang itu suatu permit kerja.”	perenggan 6(1)(iii), (xviii) dan (xxa)
perenggan 5(1)(b)	Perkataan “Tiada seorang pun boleh mengambil bekerja di Malaysia mana-mana bukan warganegara yang disebut dalam Jadual melainkan jika telah dikeluarkan berkenaan dengan bukan warganegara itu suatu permit kerja yang sah.” menggantikan “Tiada-lah sa-siapa jua boleh mengambil bekerja dalam Persekutuan sa-saorang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual melainkan telah di-keluarkan berkenaan dengan orang yang kedua itu suatu permit kerja yang sah.”	perenggan 6(1)(iii), (xviii) dan (xxa)
subseksyen 5(2)	Perkataan “Subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana terma atau syarat mana-mana kontrak atau perjanjian.” menggantikan “Peruntokan ² sekshenkechil (1) hendak-lah berkuatkuasa walau apa pun peruntokan ² undang ² bertulis yang lain atau mana ² syarat sa-suatu kontrek atau perjanjian.”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 5(3)	Perkataan “Bagi maksud seksyen ini, mana-mana orang yang didapati menjalankan apa-apa perbuatan yang pada kebiasaannya dijalankan oleh seseorang pekerja di mana-mana tempat kerja hendaklah disifatkan sebagai telah diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan oleh majikan tempat kerja itu.” menggantikan “Bagi maksud seksyen ini, sa-siapa yang di-dapati menjalankan apa ² perbuatan yang pada biasa-nya di-jalankan oleh sa-saorang pekerja di-mana ² tempat kerja hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-ambil bekerja menurut sa-suatu kotreng perkhidmatan oleh majikan bagi tempat kerja itu.”	perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 6	Dalam nota bahu, perkataan “ pembaharuan ” menggantikan “ membaharui ”	perenggan 6(1)(xxiv)
subseksyen 6(1)	Perkataan “Tiap-tiap bukan warganegara yang disebut dalam Jadual hendaklah sebelum memulakan apa-apa pekerjaan atau perniagaan yang diperihalkan dalam Jadual itu memohon suatu permit kerja kepada Ketua Pengarah dan permohonan itu hendaklah mengikut apa-apa borang dan hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang ditetapkan.” menggantikan “Tiap ² orang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual sa-belum memulakan apa ² kerja atau urusan yang di-perihalkan dalam Jadual itu hendak-lah memohon kepada Pesuruhjaya bagi satu permit kerja dan permohonan itu hendak-lah mengikut borang dan hendak-lah mengandungi butir ² sa-bagaimana yang di-tetapkan.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 6(2)	Perkataan “Sesuatu permit kerja boleh dibaharui apabila habis tempoh sahnya” menggantikan “Suatu permit kerja boleh di-baharui apabila habis tempoh sahnya”	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 6(3)	Perkataan “Mana-mana orang yang berhasrat untuk membaharui sesuatu permit kerja hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa mengikut apa-apa borang sebagaimana yang ditetapkan.” menggantikan “Sa-siapa yang berkehendak membaharui sa-suatu permit kerja hendak-lah membuat suatu permohonan kepada Pesuruhjaya atau mana ² orang yang berkuasa mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan.”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
subseksyen 7(1)	Perkataan “Apabila diterima suatu permohonan bagi permit kerja atau permohonan bagi membaharui suatu permit kerja di bawah seksyen 6, Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa boleh mengikut budi bicaranya mengeluarkan suatu permit kerja mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan atau membaharui permit kerja itu dan boleh mengenakan apa-apa terma, syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut.” menggantikan “Apabila menerima permohonan untuk suatu permit kerja atau permohonan untuk membaharui suatu permit kerja di-bawah sekshen 6, Pesuruhjaya atau mana ² orang yang berkuasa boleh mengikut budibichara-nya mengeluarkan suatu permit kerja mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan atau membaharui permit kerja itu dan boleh mengenakan atas-nya sharat ² dan sekatan ² sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 7(2)	Perkataan “Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa mengubah atau menambah apa-apa terma, syarat atau sekatan dalam sesuatu permit kerja.” menggantikan “Pesuruhjaya boleh pada bila ² masa jua mengubah atau menambah apa ² sharat atau sekatan di-dalam suatu permit kerja.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 7(3)	Perkataan “Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicaranya pada bila-bila masa dan tanpa memberikan apa-apa sebab tidak mengeluarkan atau membaharui sesuatu permit kerja atau membatalkan atau menggantung sesuatu permit kerja.” menggantikan “Pesuruhjaya boleh mengikut budibichara-nya pada bila ² masa jua pun dengan tidak memberi apa ² sebab bagi-nya enggan mengeluarkan atau membaharui sa-suatu permit kerja atau membatalkan atau menggantung sa-suatu permit kerja.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 7(4)	Perkataan “Mana-mana orang yang terkilan dengan sesuatu keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1), (2) atau (3) boleh, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri itu adalah muktamad dan tidak boleh dirayu atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah.” menggantikan “Sesiapa yang tidak berpuashati dengan sa-suatu keputusan Pesuruhjaya di bawah sekshen-kechil (1), (2) atau (3) boleh, dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Mentri dan keputusan Mentri itu ada-lah mu’tamad dan tidak-lah boleh menjadi hal-perkara apa ² rayuan atau ulangkaji dalam mana ² mahkamah.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 8	<p>1. Dalam nota bahu—</p> <p>a. perkataan “pekerjaan” menggantikan “kerja”</p> <p>b. perkataan “bagi” ditinggalkan</p> <p>2. Perkataan “Seseorang majikan hendaklah, sebelum mengambil kerja mana-mana bukan warganegara yang disebut dalam Jadual, memberi Ketua Pengarah butir-butir mengenai pekerjaan itu dan mengenai bukan warganegara itu mengikut apa-apa borang sebagaimana yang ditetapkan.” menggantikan “Sa-saorang majikan, sa-belum mengambil</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	bekerja mana ² orang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual, hendak-lah memberi kepada Pesuruhjaya butir ² mengenai kerja itu dan mengenai orang itu mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan.”	
seksyen 9	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
seksyen 10	1. Dalam nota bahu, perkataan “ pekerjaan ” menggantikan “ kerja ” 2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 9	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa) perenggan 6(1)(xii)
subseksyen 10(1)	Perkataan “Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa terma atau syarat mana-mana kontrak atau perjanjian, seseorang majikan bagi seseorang pekerja dalam mana-mana kategori atau kategori-kategori pekerjaan atau perniagaan yang diperihalkan dalam Jadual hendaklah menamatkan perkhidmatan pekerja itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pekerja itu diberitahu secara bertulis oleh Ketua Pengarah bahawa permit kerja yang dikeluarkan berkenaan dengan pekerja itu telah dibatalkan, digantung atau tidak dibaharui di bawah subseksyen 7(3).” menggantikan “Walau apa pun peruntukan ² mana ² undang ² bertulis atau mana ² syarat sa-suatu kontrak atau perjanjian, sa-saorang majikan bagi sa-saorang pekerja dalam mana ² jenis kerja atau urusan yang diperihalkan dalam Jadual hendak-lah menamatkan perkhidmatan pekerja itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh ia di-beritahu dengan bertulis oleh Pesuruhjaya—”	perenggan 6(1)(iii), (xv) dan (xxa)
perenggan 10(1)(a)	Perkataan “bahawa sa-suatu permit kerja telah enggan di-beri mengenai pekerja itu ia-itu sa-saorang yang ada bekerja dengan-nya pada tarikh yang di-tetapkan itu” ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 10(2)	Perkataan “Tiap-tiap majikan yang disebut dalam subseksyen (1) yang menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja atau berhenti mengambil kerja pekerja itu menurut subseksyen (1) atau kerana apa-apa sebab lain hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penamatan atau pemberhentian itu.” menggantikan “Tiap ² majikan yang di-rujok dalam sekshen-kecil (1) yang menamatkan perkhidmatan sa-saorang pekerja atau tidak lagi mengambil bekerja pekerja sa-demikian mengikut peruntukan ² sekshen-kecil (1) atau kerana apa ² sebab jua pun, hendak-lah memberitahu Pesuruhjaya dengan bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penamatan atau dari tarikh ia tidak lagi mengambil bekerja pekerja sa-demikian itu.”	perenggan 6(1)(iii), (xv), (xxa) dan (xxi)
subseksyen 10(3)	Perkataan “Penamatan perkhidmatan seseorang pekerja menurut subseksyen (1) tidak boleh—” menggantikan “Penamatan perkhidmatan sa-saorang pekerja mengikut peruntukan ² sekshen-kecil (1) tidak-lah—”	perenggan 6(1)(iii), (xvi), (xxa), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 10(3)(a)	Perkataan “dirundingi oleh sesuatu kesatuan sekerja yang mewakili orang terjejas itu” menggantikan “boleh di-rundingkan oleh sa-suatu kesatuan sekerja yang mewakili orang yang berkenaan itu”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)
perenggan 10(3)(b)	Perkataan “menjadi hal perkara bagi sesuatu pertikaian perdagangan atau prosiding pendamaian atau apa-apa kaedah tuntutan sama ada di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau tidak.” menggantikan “boleh di-jadikan hal-perkara suatu pertikaian sekerja atau langkah ² persidangan tolak-ansor atau apa ² chara tuntutan sama ada di-bawah mana ² undang ² bertulis atau tidak.”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
seksyen 11	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dalam nota bahu, perkataan “Kesahan permit kerja” menggantikan “Sah-nya permit² kerja” 2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 10 	<p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xii)</p>
subseksyen 11(1)	<p>Perkataan “Tertakluk kepada subseksyen 7(2) dan (3), suatu permit kerja yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini adalah sah, melainkan jika dinyatakan selainnya, hanya berkenaan dengan pekerjaan tertentu dan majikan yang dinyatakannya.” menggantikan “Terta’alok kepada peruntukan² sekshen-kechil (2) dan (3) sekshen 7 sa-suatu permit kerja yang di-keluarkan di-bawah peruntukan² Bahagian ini hendak-lah sah, melainkan di-nyatakan sa-balek-nya, hanya berkenaan dengan kerja tertentu dan majikan yang di-nyatakan di-dalam-nya.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii), (xvi), (xxa) dan (xxiv)</p>
subseksyen 11(2)	<p>Perkataan “Sesuatu permit kerja hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan atau digantung.” menggantikan “Sa-suatu permit kerja hendak-lah sah sa-lama tempoh tidak lebeh daripada dua tahun melainkan jika terlebih dahulu di-batalkan atau di-gantung.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>
seksyen 12	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dalam nota bahu, perkataan “Beban membuktikan benarnya” menggantikan “Tanggungan mengenai benarnya” 2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 11 3. Perkataan “Beban membuktikan benarnya kandungan sesuatu permohonan bagi suatu permit kerja di bawah seksyen 6 adalah pada orang yang membuat permohonan itu.” menggantikan “Tanggungan membuktikan benar-nya kandungan sa-suatu permohonan untuk sa-suatu permit kerja di-bawah peruntukan² sekshen 6 ada-lah di-atas orang yang membuat permohonan itu.” 	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(xii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxi)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
Bahagian 3	Perkataan “BAHAGIAN III” menggantikan “BAHAGIAN 3”	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 13	Dinomborkan semula sebagai seksyen 12	perenggan 6(1)(xii)
subseksyen 13(1)	Perkataan “Tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang boleh diberikan di bawah Akta ini, tiap-tiap bukan warganegara bagi kelas atau kelas-kelas atau dalam kategori atau kategori-kategori pekerjaan atau perniagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan di bawah subseksyen (2) hendaklah didaftarkan di bawah seksyen ini.” menggantikan “Terta'alok kepada apa ² pengecualian yang di-buat di-bawah Act ini, tiap ² orang bukan warganegara yang di-dalam kelas atau kelas ² atau yang bekerja dalam mana ² jenis kerja atau urusan sebagaimana yang di-nyatakan dalam pemberitahu di-bawah sekshen-kecil (2) hendak-lah di-daftarkan di-bawah sekshen ini.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 13(2)	Perkataan “Yang di-Pertuan Agong boleh melalui pemberitahuan dalam <i>Warta</i> menyatakan kelas atau kelas-kelas bukan warganegara atau kategori atau kategori-kategori pekerjaan atau perniagaan yang baginya subseksyen (1) terpakai.” menggantikan “Yang di-Pertuan Agong boleh melalui pemberitahu dalam <i>Warta</i> menyatakan kelas atau kelas ² orang bukan warganegara atau jenis atau jenis ² kerja atau urusan yang bagi-nya peruntukan sekshen-kecil (1) ada-lah di-pakai.”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxi)
subseksyen 13(3)	Perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (1) dan (2), tiap-tiap bukan warganegara hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan bagi pendaftaran.” menggantikan “Terta'alok kepada sekshen-kecil (1) dan (2) tiap ² orang bukan warganegara hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya mengikut borang yang di-tetapkan supaya di-daftarkan.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 13(4)	Perkataan “Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi orang yang didaftarkan di bawah Bahagian ini.” menggantikan “Pesuruhjaya hendak-lah menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi orang ² yang di-daftarkan di-bawah Bahagian ini.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 13(5)	Perkataan “Daftar yang dikehendaki disimpan dan disenggara oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (4) hendaklah mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan.” menggantikan “Daftar yang dikehendaki di-simpan dan di-senggara oleh Pesuruhjaya di-bawah seksyen-kecil (4) hendak-lah mengikut bentuk yang di-tetapkan.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
Bahagian 4	Perkataan “BAHAGIAN IV” menggantikan “BAHAGIAN 4”	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 14	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dalam nota bahu, perkataan “Kuasa untuk masuk dan meminta pengemukaan dokumen, dsb.” menggantikan “Kuasa masok dan meminta supaya di-kemukakan suratan², dsb.” 2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 13 	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxiv) perenggan 6(1)(xii)
subseksyen 14(1)	Perkataan “Seseorang pegawai pekerjaan boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah atau sedang dilakukan di dalam mana-mana premis selain premis yang semata-mata digunakan sebagai tempat kediaman, memasuki premis itu tanpa waran.” menggantikan “Sa-saorang pegawai kerja boleh jika ia ada sebab memperchayai bahawa suatu kesalahan di-bawah Act ini telah atau sedang di-lakukan di-dalam mana ² premises yang lain daripada premises yang sa-mata ² digunakan sa-bagai tempat kediaman dengan tidak berwaran memasoki premises itu.”	perenggan 6(1)(iii), (xiii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 14(2)	Perkataan “Seseorang pegawai pekerjaan boleh—” menggantikan “Sa-saorang pegawai kerja boleh—”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 14(2) (a)	Perkataan “menghendaki mana-mana orang, yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai memiliki apa-apa dokumen atau maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini, supaya mengemukakan apa-apa dokumen itu atau memberikan apa-apa maklumat itu; atau” menggantikan “menghendaki mana ² orang, yang pegawai kerja itu ada sebab mempercayai ada memiliki apa ² surat atau mempunyai apa ² ma’lumat yang berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan ² Act ini, supaya mengemukakan surat itu atau supaya memberi ma’lumat itu; atau”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 14(2) (b)	Perkataan “menyoal mana-mana orang atau menghendaki mana-mana orang melalui notis secara bertulis supaya hadir pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang disebut dalam notis itu berkenaan dengan apa-apa dokumen atau maklumat yang, pada pendapat pegawai pekerjaan itu, adalah berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini, dan yang dipercayainya ada dalam milikan atau pengetahuan orang itu.” menggantikan “menyoal mana ² orang atau menghendaki mana ² orang dengan notis bertulis supaya hadir pada masa dan di-tempat sebagaimana yang tersebut dalam notis itu berkenaan dengan apa ² surat atau ma’lumat yang, pada pendapat pegawai kerja itu, berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan ² Act ini, dan yang di-perchayai-nya ada di-dalam milik atau pengetahuan orang itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 15	Dinomborkan semula sebagai seksyen 14	perenggan 6(1)(xii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 15(1)	Perkataan “Apabila sesuatu permit kerja hilang, musnah atau rosak, seseorang yang berkenaan dengannya permit kerja itu telah dikeluarkan hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa dan hendaklah memohon suatu permit kerja gantian.” menggantikan “Sa-saorang pegawai kerja boleh jika ia ada sebab memperchayai bahawa suatu kesalahan di-bawah Act ini telah atau sedang di-lakukan di-dalam mana ² premises yang lain daripada premises yang sa-mata ² di-gunakan sa-bagai tempat kediaman dengan tidak berwaran memasoki premises itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 15(2)	Perkataan “Suatu permit kerja gantian boleh dikeluarkan oleh Ketua Pengarah atau orang yang diberi kuasa sebagai ganti permit kerja yang telah hilang, musnah atau rosak itu.” menggantikan “Suatu permit kerja gantian boleh di-keluarkan oleh Pesuruhjaya atau orang yang berkuasa sa-bagai ganti permit kerja yang telah hilang, musnah atau rosak itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 15(3)	Perkataan “Jika seseorang yang disebut dalam subseksyen (1), selepas memberitahukan kehilangan permit kerjanya, mendapat kembali milikan permit kerja itu dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu akan Ketua Pengarah atau orang yang diberi kuasa berkenaan dengan milikan yang didapat kembali itu.” menggantikan “Jika sa-saorang yang tersebut di-atas itu sa-lepas memberitahu kehilangan permit kerja-nya menjumpai sa-mula permit kerja itu maka hendak-lah ia dengan serta merta memberitahu Pesuruhjaya atau orang yang berkuasa bahawa ia telah menjumpai-nya sa-mula.”	perenggan 6(1)(iii), (xv) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 15(4)	Perkataan “Jika mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) mendapat kembali milikan permit kerjanya selepas suatu permit kerja gantian dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (2), dia hendaklah dengan serta-merta mengembalikan permit kerja yang didapat kembali itu bagi pembatalan” menggantikan “Jika sa-saorang yang tersebut di atas itu menjumpai sa-mula permit kerjanya sa-lepas suatu permit kerja gantian telah di-keluarkan kepadanya di-bawah sekshen-kechil (2), maka hendak-lah ia dengan serta merta mengembalikan permit kerja yang di-jumpai-nya itu untok di-batalkan.”	perenggan 6(1)(iii), (xv) dan (xxa)
subseksyen 15(5)	Perkataan “Mana-mana orang yang menjumpai atau memperoleh sesuatu permit kerja selain permit kerjanya sendiri hendaklah dengan serta-merta menyerahkannya kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa, atau kepada balai polis yang paling hampir, atau pejabat pos.” menggantikan “Sa-siapa yang menjumpai atau kapada-nya di-serahkan sa-suatu permit kerja yang lain daripada permit kepunyaan-nya sendiri hendak-lah dengan segera menyerahkan-nya kapada Pesuruhjaya atau mana ² orang yang berkuasa, atau kapada balai polis yang hampir sa-kali, atau pejabat pos.”	perenggan 6(1)(iii), (xv) dan (xxa)
seksyen 16	<ol style="list-style-type: none"> Dinomborkan semula sebagai seksyen 15 Perkataan “Mana-mana orang yang membuat apa-apa pernyataan atau memberikan apa-apa maklumat kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai pekerjaan atau mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang 	perenggan 6(1)(xii) subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1) (xv) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	<p>dibuat di bawah Akta ini yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu dalam apa-apa butir material atau meninggalkan apa-apa butir yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai merupakan suatu butir material, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.” menggantikan perkataan “Sa-siapa yang membuat apa² kenyataan atau memberi apa² ma’lumat kepada Pesuruhjaya atau mana² pegawai kerja atau mana² orang yang berkuasa di bawah peruntukan² Act ini atau mana² kaedah² yang di-buat di bawah-nya yang ia ketahui atau yang ia ada sebab memperchayai sa-bagai palsu dalam butir² mustahak atau meninggalkan apa² butir yang ia ketahui atau yang ia ada sebab memperchayai sa-bagai suatu butir mustahak boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada sa-tahun atau kedua² denda dan penjara itu.”</p>	
seksyen 17	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="494 1220 901 1367">1. Dalam nota bahu, perkataan “Jagaan dan serahan balik permit kerja” dimasukkan selepas perkataan “Penjagaan dan penyerahan permit² kerja” <li data-bbox="494 1386 901 1443">2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 16 	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xii)</p>
subseksyen 17(1)	<p>Perkataan “Sesuatu permit kerja yang dikeluarkan berkenaan dengan seseorang tidak boleh dipindah milik dan hendaklah disimpan olehnya sepanjang tempoh sahnya.” menggantikan “Sa-suatu permit kerja yang di-keluarkan bagi sa-saorang tidak-lah boleh di-pindah-milek dan hendak-lah di-simpan oleh-nya dalam masa tempoh sah-nya.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 17(2)	Perkataan “Jika sesuatu permit kerja telah dibatalkan atau telah habis tempoh orang yang berkenaan dengannya permit kerja itu telah dikeluarkan hendaklah dengan serta-merta menyerah balik permit kerja itu kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa.” menggantikan “Jika sa-suatu permit kerja itu telah di-batalkan atau telah habis tempoh-nya orang yang bagi-nya permit kerja itu di-keluarkan hendak-lah dengan segera menyerahkan permit kerja itu kepada Pesuruhjaya atau mana ² orang yang berkuasa.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 18	Dinomborkan semula sebagai seksyen 17	perenggan 6(1)(xii)
subseksyen 18(1)	Perkataan “Mana-mana orang yang tidak mematuhi seksyen 5 atau 12 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.” menggantikan “Sa-siapa yang tidak mematuhi peruntukan ² sekshen 5 atau sekshen 13 ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada lima ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada sa-tahun atau kedua ² denda dan penjara itu.”	subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1) (xxi)
subseksyen 18(2)	Perkataan “Mana-mana orang yang memalsukan, mengubah atau mengusik mana-mana permit kerja melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.” menggantikan “Sa-siapa yang memalsukan, mengubah atau menchachatkan sa-suatu permit kerja ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh	subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1) (xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	<p>di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada enam bulan atau kedua² denda dan penjara itu.”</p>	
subseksyen 18(3)	<p>Perkataan “Tiap-tiap peninggalan atau keabaian untuk mematuhi dan tiap-tiap perbuatan yang dilakukan atau cuba untuk dilakukan yang berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau apa-apa pelanggaran syarat dan sekatan yang tertakluk kepadanya atau yang berdasarkannya suatu permit kerja yang dikeluarkan di bawah Akta ini, menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini dan pesalah boleh, apabila disabitkan, jika tiada apa-apa penalti yang diperuntukkan dengan nyata, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ratus ringgit sehari:”menggantikan “Tiap² ketinggalan atau kechuaian mematohi, atau tiap² perbuatan yang di-lakukan atau yang di-chuba hendak di-lakukan yang berlawanan dengan, peruntokan² Act ini atau mana² peratoran² yang di-buat di-bawah-nya, atau apa² perlanggaran sharat atau sekatan yang di-kenakan ka-atas sa-suatu permit kerja yang di-keluarkan di-bawah Act ini, adalah menjadi suatu kesalahan terhadap Act ini dan pensalah, jika tiada apa² penalti yang di-peruntokan dengan nyata-nya, boleh apabila di-thabitkan di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada enam bulan atau kedua² denda dan penjara itu dan, bagi sa-suatu kesalahan yang berterusan, denda sa-lanjut-nya yang tidak lebeh daripada sa-ratus ringgit sa-hari:”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxi)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
subseksyen 18(3) – (proviso)	Perkataan “Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh disabitkan di bawah seksyen ini semata-mata oleh sebab tidak mematuhi perenggan 13(2)(a) jika dalam masa empat puluh lapan jam selepas dikehendaki berbuat demikian ia mengemukakan atau memberikan dokumen atau maklumat dalam miliknya.” menggantikan “Dengan syarat bahawa tiada-lah sa-siapa jua boleh di-thabitkan di-bawah seksyen ini sa-mata ² oleh sebab tidak mematuhi peruntukan ² perenggan (a) seksyen-kecil (2) seksyen 14 jika dalam tempoh empat puluh lapan jam sa-lepas di-kehendaki berbuat demikian ia mengemukakan atau memberi suratan atau ma’lumat yang ada pada-nya.”	perenggan 6(1)(iii), (xxi) dan (xxiv)
seksyen 19	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="415 915 825 1039">1. Dalam nota bahu, perkataan “Kesan pelanggaran seksyen 9” menggantikan perkataan “Natijah melanggar seksyen 10” <li data-bbox="415 1068 825 1125">2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 18 <li data-bbox="415 1153 825 1806">3. Perkataan “Jika berkenaan dengan pengambilan kerja seseorang bukan warganegara terdapat pelanggaran seksyen 9, bukan warganegara itu tidak boleh semata-mata oleh sebab pelanggaran itu disifatkan sebagai telah diambil kerja di bawah suatu kontrak kerja yang menyalahi undang-undang.” menggantikan “Jika berkenaan dengan pengambilan bekerja sa-saorang bukan warganegara suatu pelanggaran peruntukan² seksyen 10 berlaku, maka orang itu tidak-lah boleh sa-mata² oleh kerana pelanggaran itu di-sifatkan sa-bagai telah diambil bekerja di-bawah suatu kontrak kerja yang tidak sah di-sisi undang².” 	<p data-bbox="844 915 1072 972">perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p data-bbox="844 1068 1072 1090">perenggan 6(1)(xii)</p> <p data-bbox="844 1153 1072 1214">perenggan 6(1)(iii), (xv) dan (xxi)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
seksyen 20	Dinomborkan semula sebagai seksyen 19	perenggan 6(1)(xii)
subseksyen 20(1)	Perkataan “Akta ini tidak terpakai bagi—” menggantikan “Peruntukan ² Act ini tidak-lah di-pakai kepada—”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 20(1)(a)	Perkataan “anggota mana-mana suatu angkatan tentera pelawat mengikut pengertian mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa yang mengawal selia angkatan tentera pelawat yang berada di Malaysia;” menggantikan “mana ² anggota sa-suatu Angkatan Tentera Melawat mengikut pengertian mana ² undang ² yang pada masa itu berkuatkuasa yang mengawal Angkatan Tentera Melawat yang ada di-Persekutuan;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 20(1)(b)	Perkataan “orang yang diberi tauliah dengan sewajarnya sebagai wakil diplomatik atau konsular ke Malaysia;” menggantikan “orang ² yang di-beri tauliah dengan sempurnanya sa-bagai wakil ² diplomat atau konsol ka-Persekutuan;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 20(1)(c)	Perkataan “orang yang diberi kekebalan dan keistimewaan yang disebut dalam Jadual kepada Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 [Akta 636] dan dalam Jadual kepada Akta Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999 [Akta 595];” menggantikan “orang ² yang kapada-nya pengechualian dan kelebihan yang di-rujok dalam Bahagian 2 atau 3 dalam Jadual Pertama kapada Ordinance Kelebihan ² Diplomat dan Konsol, 1957 [Ord. 53 tahun 1957], telah di-beri di-bawah Ordinance itu;”	subperenggan 6(1)(i)(aa) dan perenggan 6(1)(iii), (xix) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
perenggan 20(1)(d)	Perkataan “pekhidmat persendirian atau pekerja lain bagi orang yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) iaitu pekerja yang diambil bekerja bagi pekerjaan itu dari negara angkatan tentera pelawat itu atau negara yang diwakili oleh orang yang disebut dalam perenggan (b) atau (c) di Malaysia;” menggantikan “pengkhidmat ² sendirian atau lain ² pekerja bagi orang ² yang di-rujok dalam perenggan (a), (b) dan (c) ia-itu pekerja ² yang di-ambil bekerja bagi kerja itu daripada negara Angkatan Tentera Melawat itu atau negara yang di-wakili oleh orang ² yang di-rujok dalam perenggan (b) atau (c) dalam Persekutuan;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 20(1)(e)	Perkataan “pegawai mana-mana pertubuhan antarabangsa yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 3A Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966; dan” menggantikan “pegawai ² sa-suatu pertubuhan antarabangsa yang di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah sekshen 4 Ordinance Kelelahan ² Diplomat dan Konsol, 1957;”	perenggan 6(1)(iii), (xix) dan (xxa)
perenggan 20(1)(f)	Perkataan “orang yang kehadirannya di Malaysia ditaja oleh Kerajaan.” menggantikan “orang ² yang berada di-Persekutuan dan kehadhiran-nya adalah di-taja oleh Kerajaan.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 20(2)	Perkataan “Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada mana-mana atau kesemua peruntukan Akta ini.” menggantikan “Yang di-Pertuan Agong boleh melalui Perintah mengecualikan mana ² orang atau kelas orang ² daripada mana ² atau kesemua peruntukan ² Act ini.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
seksyen 21	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dalam nota bahu, perkataan “Peraturan-peraturan” menggantikan “Peratoran” 2. Dinomborkan semula sebagai seksyen 20 3. Perkataan “Menteri boleh membuat peraturan-peraturan secara amnya bagi melaksanakan peruntukan Akta ini, dan peraturan-peraturan itu boleh—” menggantikan “Mentri boleh membuat peratoran² pada ’am-nya bagi melaksanakan peruntokan² Act ini, dan peratoran² sa-demikian boleh—” 	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(a)	Perkataan “menetapkan apa-apa fi atau caj sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini;” menggantikan “menetapkan bayaran ² sa-bagaimana yang perlu bagi maksud ² Act ini;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(b)	Perkataan “menetapkan bentuk daftar, permohonan dan permit atau borang lain yang dikehendaki disimpan, digunakan atau dikeluarkan;” menggantikan “menetapkan bentuk ² daftar, permohonan dan permit atau lain ² borang yang di-kehendaki di-simpan, di-guna atau di-keluarkan;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(c)	Perkataan “mengadakan peruntukan bagi tatacara penggantian permit kerja yang hilang atau cacat;” menggantikan “membuat peruntokan yang mengenai achara menggantikan permit ² kerja yang hilang atau chachat;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(d)	Perkataan “mengadakan peruntukan bagi cara dan tempat permohonan permit kerja boleh dibuat;” menggantikan “mengadakan peruntokan mengenai chara bagaimana dan tempat ² di-mana permohonan permit ² kerja boleh di-buat;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
perenggan 21(e)	Perkataan “mengadakan peruntukan bagi maklumat dan dokumen yang dikehendaki diberikan bagi maksud permohonan permit kerja;” menggantikan “mengadakan peruntukan mengenai ma’lumat dan suratan ² yang di-kehendaki di-beri bagi maksud ² permohonan permit ² kerja;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(f)	Perkataan “mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan dan pengemukaan permit kerja;” menggantikan “mengadakan peruntukan mengenai pemereksaan dan penunjokan permit ² kerja;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(g)	Perkataan “mengadakan peruntukan bagi mengambil dan merekodkan fotograf orang yang memohon permit kerja;” menggantikan “mengadakan peruntukan bagi mengambil dan merekodkan gambarfoto ² orang ² yang memohon permit kerja;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(h)	Perkataan “mengadakan peruntukan bagi membuat pembedulan dan pengubahan dalam daftar dan permit kerja;” menggantikan “mengadakan peruntukan bagi membuat pembedulan ² dan pengubahan ² dalam daftar dan permit ² kerja;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(i)	Perkataan “menghendaki pengemukaan apa-apa penyata oleh mana-mana orang berhubung dengan pengambilan kerja bukan warganegara yang baginya Bahagian II adalah terpakai mengikut apa-apa borang sebagaimana yang ditetapkan;” menggantikan “menghendaki penyerahan apa ² penyata oleh mana ² orang berhubung dengan pengambilan bekerja orang ² bukan warganegara yang peruntukan ² Bahagian 2 adalah di-pakai terhadap-nya mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan;”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 21(j)	Perkataan “menetapkan bahawa mana-mana perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peraturan hendaklah menjadi suatu kesalahan; dan” menggantikan “menetapkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa pindaan
	bahawa sa-suatu perbuatan atau ketinggalan yang melanggar peruntukan ² mana ² peratoran itu ada-lah menjadi suatu kesalahan;”	
perenggan 21(k)	Perkataan “mengadakan peruntukan secara amnya bagi maksud memberi kuat kuasa kepada Akta ini.” menggantikan “mengadakan peruntukan pada ’am-nya bagi maksud menguatkuasakan peruntukan ² Act ini.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
Jadual	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kurung siku menggantikan kurungan 2. Perkataan “Seksyen” menggantikan “Sekshen” 3. Perkataan ”KELAS ATAU KELAS-KELAS ORANG DAN KATEGORI ATAU KATEGORI-KATEGORI PEKERJAAN” menggantikan ”KELAS ATAU KELAS² ORANG DAN JENIS ATAU JENIS² KERJA” 4. Perkataan “Tiap-tiap bukan warganegara yang diambil kerja dalam apa-apa perniagaan, perindustrian atau pengusahaan, termasuk mana-mana Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana badan berkanun.” menggantikan ”Tiap² orang bukan warganegara yang diambil bekerja dalam apa² jua urusan, perusahaan atau usaha termasuk-lah mana² Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mana² pihak berkuasa tempatan dan mana² badan berkanun.” 	perenggan 6(1)(iii) dan (xvi) perenggan 6(1)(iii) dan (xxa) perenggan 6(1)(iii) dan (xxa) perenggan 6(1)(iii), (xvi) dan (xxa)
Tarikh Perkenan Diraja	Ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxiv)